

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB DATIN PADUKA DR. TAN YEE KEW
(WANGSA MAJU)**

TARIKH : 24 NOVEMBER 2020 (SELASA)

SOALAN

DATIN PADUKA DR. TAN YEE KEW [WANGSA MAJU] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kerajaan mempertimbangkan untuk meminda Perlembagaan bagi membenarkan laporan DNA menjadi bukti sah ikatan hubungan seorang bapa dan anaknya bagi memohon kewarganegaraan melibatkan kanak-kanak yang tidak mempunyai Sijil Kelahiran.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Kewarganegaraan seseorang individu ditentukan berdasarkan kepada **status perkahwinan dan taraf kewarganegaraan ibu bapa kandung sewaktu kelahiran berlaku**. Buat masa ini, Kerajaan hanya menggunakan **keputusan Ujian *Deoxyribonucleic Acid* (DNA) sebagai dokumen sokongan** berkaitan permohonan dokumen pengenalan diri **bagi mengesahkan pertalian darah** seseorang dengan ahli keluarga yang lain dan tidak dijadikan sebagai bukti konklusif dalam penganugerahan kewarganegaraan Malaysia. Dalam hal ini, setiap pemohon masih perlu mematuhi undang-undang lain khususnya berkaitan dengan pendaftaran perkahwinan ibu bapa dan mempunyai bukti keberadaan di Persekutuan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setiap kelahiran yang berlaku di Malaysia hendaklah didaftarkan di Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) selaras dengan Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957 (Akta 299) bagi Semenanjung Malaysia, Ordinan Pendaftaran Kelahiran dan Kematian (*Sabah Chapter 123*) 1951 bagi Negeri Sabah, dan Ordinan Pendaftaran Kelahiran dan Kematian (*Sarawak Chapter 10*) 1951 bagi Negeri Sarawak. Ketiga-tiga undang-undang tersebut jelas menyatakan **tanggungjawab ibu bapa atau mana-mana individu yang mengetahui tentang kelahiran** untuk mendaftarkan kelahiran berkenaan kepada JPN tanpa mengira taraf kewarganegaraan, keturunan atau latar belakang.

Sukacita diingatkan bahawa ibu bapa dan penjaga kepada individu yang bertaraf 'Belum Ditentukan' atau 'Bukan Warganegara' bertanggungjawab sepenuhnya untuk menguruskan kewarganegaraan, dokumen pengenalan diri dan dokumen perjalanan dengan negara asal bagi mengelakkan ketiadaan dokumen pengenalan diri, keberadaan tidak sah di Malaysia dan seterusnya disalah anggap sebagai tidak memiliki kewarganegaraan dari mana-mana negara (*stateless*).